

U B081 AAB  
MAHATHIR - JAWATANKUASA  
(I)

KUALA LUMPUR, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA JAWATANKUASA KHAS YANG DITUBUHKAN BAGI BERUSAHA MENYELESAIKAN MASALAH TINDAKAN MAHKAMAH OLEH 12 ANGGOTA TERHADAP PARTI DIBERI KEBEBASAN PENUH UNTUK MELAKSANAKAN TUGASNYA.

+SAYA TIDAK MAHU BERKATA APA-APA YANG MUNGKIN MEMPENGARUHI JAWATANKUASA ITU ATAU SESIAPA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA KETIKA DITANYA SAMA ADA JAWATANKUASA ITU TELAH MEMBUAT SEBARANG TAWARAN KEPADA 12 ANGGOTA ITU SEBAGAI USAHA MENDAPATKAN PENYELESAIAN DI LUAR MAHKAMAH.

JAWATANKUASA ITU YANG DIKETUAI OLEH SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID DITUBUHKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO UNTUK Mencari jalan menyelesaikan tindakan 12 anggota berkenaan yang mengemukakan saman memohon pengisytiharan bahawa pemilihan parti yang lalu tidak sah dan batal.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BELIAU TIDAK TAHU BERAPA RAMAI DARIPADA 12 ANGGOTA BERKENAAN YANG SEDIA MENYELESAIKAN MASALAH ITU TETAPI MENAMBAH, +SAYA TAHU SEORANG DARIPADA MEREKA TELAH MENARIK DIRI (DARI KUMPULAN ITU)+.

MENGENAI RUNGUTAN PIHAK-PIHAK TERTENTU BAHAWA SEORANG TOKOH BERKECUALI SEPATUTNYA DILANTIK MENGETUAI JAWATANKUASA ITU DAN BUKAN DATUK SERI SANUSI KERANA DIA BERKEPENTINGAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA SEMUA BERKEPENTINGAN...TIDAK ADA ADA SIAPA YANG TIDAK BERKEPENTINGAN.+ -- LAGI

1551MST 29 09 87

D736

U B087 AAB  
MAHATHIR - JAWATANKUASA 2 KUALA LUMPUR  
(I)

MENGENAI CADANGAN SUPAYA NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DILANTIK MENGETUAI JAWATANKUASA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA: +BELIAU JUGA BERKEPENTINGAN+.

+PERKARA ITU DISERAHKAN SEPENUHNYA KEPADA JAWATANKUASA TERSEBUT DAN MEREKA BEBAS MELAKSANAKAN TUGAS,+ KATANYA.

+SAYA HARAP MASALAH ITU AKAN DISELESAIKAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SELEPAS MERASMIKAN MUZIUM JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI DI KM 19, JALAN GOMBAK DEKAT SINI.

MENURUT LAPORAN AKHBAR HARI INI, 10 DARIPADA 12 ANGGOTA BERKENAAN TELAH MENYATAKAN KESEDIAAN MEREKA UNTUK BERTEMU JAWATANKUASA KHAS ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA PENYIASATAN BERHUBUNG DENGAN KEJADIAN MEMBAKAR LIMA BUAH MASJID DI PAHANG BARU-BARU INI MASIH BELUM MEMPUNYAI +BAHAN+ YANG MENCUKUPI.

KATANYA, BELIAU TIDAK TAHU BERAPA LAMA PENYIASATAN ITU AKAN BERJALAN ATAU BILA PENJENAYAH-PENJENAYAH ITU DAPAT DIBERKAS.

KELIMA-LIMA MASJID ITU DIBAKAR PADA 30 DAN 31 OGOS. DUA DARIPADANYA DALAM KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI CHINI, DUA DI BERA MANAKALA SATU LAGI DI CHEMOR. DUA BUAH BALAIRAYA, SEBUAH KOMPLEKS SERBAGUNA DAN PENJABAT PENGHULU DI PEKAN DAN TEMERLOH JUGA MUSNAH ATAU ROSAK AKIBAT KEBAKARAN DALAM TEMPOH ITU. -- LAGI

1616MST 29 09 87

U B093 AAB  
MAHATHIR - JAWATANKUASA 3 KUALA LUMPUR  
(I)

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYUB BERKATA BARU-BARU INI, PERBUATAN MEMBAKAR MASJID ITU DILAKUKAN OLEH MEREKA YANG TIDAK MEMPUNYAI KAITAN DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN POLITIK, KAUM ATAU AGAMA.

SEMENTARA ITU, POLICE MENAWARKAN HADIAH \$50,000 KEPADA ORANG RAMAI YANG MEMBERIKAN MAKLUMAT SEHINGGA TERTANGKAP PENJAHAT-PENJAHAT ITU. -- BERNAMA

1623MST 29 09 87